

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji minat membaca di kalangan murid sekolah rendah. Secara khususnya kajian ini akan meneliti latar belakang yang melibatkan sosioekonomi dan kaitan dengan minat membaca, kekerapan minat membaca terhad bahan bacaan, tujuan membaca,kekangan atau faktor yang mempengaruhi minat membaca, dan peranan pusat sumber atau perpustakaan dalam meningkatkan minat membaca murid-murid sekolah rendah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan menggunakan kaedah kajian tinjauan iaitu untuk melihat minat membaca di kalangan murid sekolah rendah.

Sehubungan dengan itu, bab ini akan membentangkan aspek reka bentuk kajian, pemilihan tempat kajian, pemilihan sampel kajian, instrumen kajian, pengutipan data dan tatacara kajian, tempoh kajian dan menganalisis data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian lapangan iaitu membuat tinjauan terhadap minat membaca murid sekolah rendah dengan menggunakan borang soal selidik. Fokus kajian hanya bertumpu kepada murid-murid sekolah rendah, iaitu murid Tahun Lima di sebuah di zon Kuang dalam daerah Gombak. Kajian yang dijalankan berdasarkan soalan kajian

yang terdapat di dalam Bab 1. Soal selidik yang dibentuk dan direka ini mengandungi lima bahagian iaitu;

- (a). Bahagian A - Latar belakang dan butiran peribadi sampel.
- (b). Bahagian B - Kekerapan minat membaca terhadap bahan yang dibaca.
- (c). Bahagian C - Tujuan membaca.
- (d). Bahagian D - Kekangan atau faktor yang mempengaruhi minat membaca.
- (e). Bahagian E - Peranan pusat sumber dalam meningkatkan minat membaca murid.

3.3 Pemilihan Tempat Kajian.

Disebabkan tempoh kajian yang singkat, pengkaji telah memilih sebuah sekolah di zon Kuang dalam daerah Gombak untuk dijadikan tempat kajian. Zon Kuang dipilih kerana di zon ini mempunyai peratus membaca yang masih di tahap yang sederhana. Oleh itu dengan adanya kajian ini dapat melihat sama ada benar atau sebaliknya, sekolah di zon kuang ini mempunyai pencapaian membaca yang masih sederhana. Oleh itu beberapa buah sekolah telah dipilih untuk menjalankan kajian ini. Sekolah yang dimaksudkan iaialah Sekolah Kebangsaan Merah Seri (SKMS), Sekolah Kebangsaan Kenanga Kuning (SKKK) dan Sekolah Kebangsaan Bukit Raya Putera (SKBRP). Ketiga-ketiga sekolah yang dikaji tidak dinamakan dengan nama sebenar kerana mengikut prosedur kajian yang menetapkan nama sekolah yang dikaji harus dirahsiakan.

SKMS kategorikan sebagai bandar dan sekolah Gred A. Sekolah ini terletak kira-kira 65 kilometer dari pusat bandar iaitu Kuala Lumpur. Sekolah ini sebagai sekolah pinggir bandar. SKMS menjalankan sesi pengajaran pagi dan petang. Murid Tahun Satu,

Tahun Lima dan Tahun Enam, bersekolah di sesi pagi, manakala murid Tahun Dua, Tahun Tiga dan Tahun Empat berada di sebelah petang. Sekolah ini mempunyai 92 orang guru dan muridnya seramai 2242 orang murid (mengikut bancian bulan Mei). Bilangan murid lelakinya seramai 1111 orang dan murid perempuannya seramai 1131 orang. Di samping itu juga sekolah mempunyai bilangan murid-murid pendatang yang terdiri daripada Indonesia dan Kemboja yang ramai iaitu 350 orang. Sekolah ini dikelilingi oleh beberapa buah kampung. Dari segi pola pekerjaan menunjukkan ibu bapa murid di sekolah ini terlibat dengan pekerjaan pelbagai, seperti profesional, kerja kilang, guru, buruh dan sebagainya.

SKKK kategorikan sebagai bandar dan sekolah Gred A. Sekolah ini terletak di kawasan pinggir bandar dan terletak berhampiran dengan pekan kecil. SKKK menjalankan sesi pengajaran pagi dan petang. Murid Tahun Satu, Tahun Lima dan Tahun Enam, bersekolah di sesi pagi, manakala murid Tahun Dua, Tahun Tiga dan Tahun Empat berada di sebelah petang. Sekolah ini mempunyai 87 orang guru dan muridnya seramai 1785. Dari segi sosioekonomi kebanyakkan ibu bapa murid-murid melakukan pekerjaan yang pelbagai dari golongan tinggi hingga ke tahap rendah. Sekolah ini di keliling oleh beberapa buah kampung kecil. Dari segi sosioekonomi menunjukkan taraf hidup yang agak pelbagai iaitu ada yang rendah dan tinggi. Begitu juga dengan pekerjaan ibu bapa murid-murid di sekolah ini yang pelbagai, daripada golongan profesional hinggalah ke tahap yang biasa.

SKBRP kategorikan sebagai bandar dan sekolah Gred A. Sekolah ini baru dibuka pada tahun 2000. Sekolah ini terletak kira-kira 45 kilometer dari pusat bandar iaitu Kuala Lumpur dan berhampiran dengan sebuah bandar. Sekolah ini juga berhampiran dengan

sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah. SKBRP menjalankan sesi pengajaran pagi dan petang. Murid Tahun Satu, Tahun Lima dan Tahun Enam, bersekolah di sesi pagi, manakala murid Tahun Dua, Tahun Tiga dan Tahun Empat berada di sebelah petang. Sekolah ini mempunyai 53 orang guru dan muridnya seramai 1556 orang murid (mengikut bancian bulan Mei 2003). Sekolah ini dikelilingi oleh beberapa buah taman perumahan yang kebanyakannya dihuni oleh berbilangan bangsa. Kebanyakkannya ibu bapa murid di sekolah ini bekerja dalam golongan profesional seperti doktor, ahli perniagaan dan sebagainya. Bilangan yang bekerja dalam kategori rendah adalah sedikit.

Terdapat pelbagai sebab ketiga-tiga sekolah ini dipilih untuk dijadikan kajian untuk mengetahui minat membaca di kalangan murid sekolah rendah. Penyelidik memilih sekolah ini selaku responden kajian kerana:

1. Berdasarkan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2002, sekolah-sekolah ini mencatatkan keputusan yang baik dalam peperiksaan tersebut, iaitu 25 pelajarnya mendapat 5A, 64 orang mendapat 1B 4A dan 50 orang mendapat 2B 3A. Oleh itu penyelidik ingin melihat sama ada kejayaan murid-murid sekolah ini dibantu oleh amalan minat membaca ataupun sekolah ini mengamalkan budaya membaca terhadap murid-muridnya.
2. Di samping itu juga sekolah-sekolah ini telah menjalankan program NILAM. Dengan adanya program NILAM ini, sedikit sebanyak minat membaca berjaya dipupuk di sekolah ini. Dengan adanya kajian yang dijalankan di sekolah ini dapat memberikan satu gambaran sama ada program NILAM ini berjaya atau sebaliknya.

3. Di samping itu juga, sekolah ini dipilih untuk dijadikan sampel kajian kerana, ia merupakan sekolah yang mempunyai jumlah murid yang melebihi 1600 orang murid-murid. Bila respondennya ramai maka memudahkan pengkaji memilih sampel kajian untuk dikaji, berbanding responden yang sedikit. Dari segi taraf sosioekonominya, sekolah ini menunjukkan taraf sosioekonomi yang pelbagai. Manakala dari segi kaum pula sekolah ini mempunyai kaum yang bercampuran iaitu terdiri daripada Melayu, India, Cina serta kaum pendatang dari Indonesia dan Kemboja. Oleh itu, dengan percampuran kaum ini dapat memberi gambaran minat membaca di sekolah ini. Sama ada percampuran kaum ini mempengaruhi minat membaca seseorang murid.
4. Di samping itu juga pengkaji mudah untuk berurusan dengan sekolah ini untuk menjalankan kajian, kerana sekolah ini berhampiran dengan kawasan tempat tinggal pengkaji. Oleh yang demikian proses untuk melakukan kajian itu dapat dijalankan dalam masa yang singkat berbanding tempat kajian yang berada jauh daripada pengkaji untuk menjalankan kajian.

3.4 Pemilihan Sampel Kajian

Menurut Mohd Majid (1993:80) mengatakan bahawa seseorang penyelidik menghendaki ketepatan sepenuhnya bagi menganggarkan populasi pada paras keyakinan 100 peratus, maka penyelidik perlu menggunakan seluruh ahli populasi kerana tidak berlaku larat pensampelan. Sampel kajian ini terdiri daripada 240 murid-murid Tahun Lima yang dipilih secara rawak yang melibat semua kelas tahun lima.

Pemilihan sampel dilakukan mengikut ‘proportional stratified sampling’ berdasarkan aspek utama iaitu, populasi kelas murid, dan jantina. Kaedah pensampelan ini bertujuan supaya sampel kajian ini benar-benar mewakili populasi dalam kedua-dua aspek yang dikaji. Jadual-jadual berikut memaparkan komposisi sampel yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 3.1

Menunjukkan taburan sampel kajian berdasarkan sekolah

JANTINA	NAMA		SEKOLAH		JUMLAH
	SKMS	SKKK	SKBRP		
LELAKI	40	40	40	120	
PEREMPUAN	40	40	40	120	
JUMLAH	80	80	80	240	

Pelajar yang menjawab soal selidik terdiri daripada 120 murid lelaki dan 120 murid perempuan. Dari segi status sosioekonomi, murid di dapati tergolong dalam status sosioekonomi yang bercampur iaitu ada golongan rendah dan golongan status sosioekonomi tinggi.

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik (Lampiran A) yang dibentuk untuk menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan di dalam Bab 1. Borang soal selidik ini mengandungi 5 bahagian iaitu:

Bahagian A - Latar belakang dan butiran peribadi sampel

Bahagian B - Kekerapan minat membaca terhadap bahan yang dibaca.

Bahagian C - Tujuan membaca

Bahagian D - Kekangan atau faktor yang mempengaruhi minat membaca.

Bahagian E - Peranan pusat sumber dalam meningkatkan minat membaca murid

3.6 Instrumen Ujian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen ujian terdiri daripada satu set soal selidik yang merangkumi lima bahagian.

Bahagian pertama berkaitan dengan butir-butir peribadi dan latar belakang keluarga dan diri pelajar. Bahagian ini akan mengandungi nama, jantina bangsa, bilangan adik beradik, peringkat pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa dan juga pendapatan ibu bapa atau penjaga. Maklumat ini penting bagi melihat perkaitan di antara minat membaca dengan latar belakang sampel. Ia merupakan bahan maklumat asas yang menjadi pemboleh ubah bebas (*independent variable*) kajian ini.

Bahagian kedua ialah soalan-soalan yang berkaitan dengan kekerapan minat membaca terhadap bahan yang dibaca. Bertujuan untuk mengukur kekerapan murid-murid membaca berdasarkan bahan yang difikirkan sesuai untuk dibaca oleh murid berusia sebelas tahun. Antara bahan bacaan yang disenaraikan ialah majalah sukan, majalah pendidikan, surat khabar utama, surat khabar pendidikan, buku teks, buku komik atau kartun, novel remaja, buku agama, risalah, majalah seram, iklan, papan kenyataan, buku akademik dan bahan internet.

Untuk menguji kekerapan murid membaca bahan ini, skala linket digunakan iaitu murid dikehendaki menandakan sama ada amat jarang, jarang, kerap dan sangat kerap. Rasional penggunaan skala linket ini sebagai alat untuk menguji sampel peratus

kesahannya agak tinggi untuk menguji kekerapan murid membaca bahan yang disediakan.

Bahagian ketiga ialah soal selidik yang mengandungi soal selidik mengenai tujuan murid membaca. Bahagian ketiga ini juga untuk melihat, apakah tujuan yang paling utama untuk murid membaca. Antara tujuan murid membaca itu untuk melengkapkan keperluan diri atau disebabkan oleh pengaruh persekitaran dan sebagainya. Untuk mendapatkan tujuan yang sesuai untuk murid membaca, terlebih dahulu diadakan perbincangan dengan guru-guru yang mempunyai pengalaman, dan juga berdasarkan kajian terdahulu yang telah dijalankan. Antara tujuan membaca yang disertakan dalam soal selidik ini ialah membaca untuk mendapatkan maklumat, keseronokan, menghilangkan sifat bosan, untuk lulus peperiksaan, untuk menenangkan fikiran, tujuan menunjuk-nunjuk, mengelakkan disuruh membuat kerja lain, untuk menambah pengetahuan sedia ada, untuk mengisi masa lapang yang berfaedah, untuk menyelesaikan sesuatu masalah, untuk mengisi perasaan ingin tahu, dan untuk menyiapkan kerja sekolah.

Untuk menguji kekerapan murid membaca bahan ini, skala linket digunakan iaitu murid dikehendaki menandakan sama ada amat jarang, jarang, kerap dan sangat kerap. Rasional penggunaan skala linket ini sebagai alat untuk menguji sampel peratus kesahannya agak tinggi untuk menguji kekerapan murid membaca bahan yang disediakan.

Bahagian keempat soal selidik pula ialah, bahagian yang menghendaki murid-murid menandakan faktor atau kekangan yang menghalang seseorang itu minat untuk membaca. Beberapa item yang sesuai disediakan untuk memberi peluang kepada sampel

kajian memilih mana-mana item yang difikirkan sesuai untuk ditandakan. Faktor yang disediakan ialah gangguan persekitaran, rasa mengantuk atau letih, kerja sekolah yang banyak, sukar mendapatkan bahan bacaan, koleksi di pusat sumber yang kurang lengkap, tidak mampu beli buku, bahan bacaan yang mahal, kekurangan masa atau sibuk, tidak berminat dan bermotivasi untuk membaca, tiada keperluan untuk membaca, halangan bahasa, kecacatan penglihatan, tidak kemudahan untuk membaca, jarak pusat sumber atau perpustakaan jauh daripada rumah, tidak tahu tujuan membaca, pengaruh TV, VCD, DVD, Playstation, Radio dan tiada kemudahan perpustakaan mini atau sudut bacaan di rumah. Kedua-dua aktiviti ini dipisahkan oleh empat petak. Responden dikehendaki menandakan salah satu petak untuk menunjukkan kecenderungan mereka terhadap salah satu aktiviti yang dibandingkan.

Jika responden sangat berminat melakukan salah satu aktiviti, ia dikehendaki menandakan petak yang paling dikehendaki yang berkaitan dengan aktiviti itu. Jika responden minat melakukan salah satu aktiviti, ia hendaklah menandakan petak kedua yang dekat dengan aktiviti itu. Untuk menguji murid faktor atau kekangan membaca bahan bacaan, skala linket digunakan iaitu murid dikehendaki menandakan sama ada amat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Rasional penggunaan skala linket ini sebagai alat untuk menguji sampel peratus kesahannya agak tinggi untuk menguji kekerapan murid membaca bahan yang disediakan.

Soal selidik bahagian kelima pula ialah untuk melihat hubungan atau perkaitan minat membaca dengan pusat sumber atau perpustakaan. Bahagian ini mengehendaki sampel kajian menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan minat membaca dan perpustakaan.

3.7 Ujian Rintis (Pilot Study)

Dua ujian rintis dijalankan. Ujian rintis pertama dijalankan di Sekolah yang berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan Merah Seri, iaitu sekolah Kebangsaan Bunga Raya (bukan nama sebenar), sampel kajiannya ialah murid Tahun Lima. Objektif ujian ini adalah untuk menyemak dan membaiki soal selidik dari segi bahasa, struktur soalan, jangkaan data, dan menangani masalah-masalah yang timbul. Ujian rintis ini dilaksanakan dalam dua peringkat. Pada peringkat pertama, responden menjawab soal selidik, seramai 35 orang dipilih untuk menjawab soal selidik ini. Pada peringkat kedua, 20 orang responden dipilih secara rawak untuk ditemui bual untuk mendapatkan maklum balas secara peribadi berkaitan dengan aras kefahaman mengenai soal selidik, kesesuaian soal selidik, cadangan-cadangan dan pilihan jawapan.

Hasil dari ujian rintis ini, soal selidik diubahsuai dan masalah-masalah yang timbul telah dapat diatasi. Contohnya, responden mengatakan mereka kurang memahami beberapa kehendak soalan soal selidik. Struktur soalan-soalan ini kemudian dirujuk kepada pakar bahasa dan diperbaiki. Ujian rintis kedua dilaksanakan di sekolah yang sama tetapi ia melibatkan murid yang lain. Ujian ini bertujuan untuk menentukan kebolehpercayaan alat ujian. Sebanyak dua kali ujian rintis dijalankan kerana untuk memastikan supaya tidak berlaku sebarang kecacatan dalam pembinaan ujian dalam borang soal selidik. Secara keseluruhannya murid-murid tidak menghadapi sebarang masalah semasa menjawab soalan di dalam borang soal selidik. Ini telah memudahkan pengkaji untuk terus menggunakan borang soal selidik dalam kajian seterusnya.

3.8 Prosedur Kajian

Kebenaran untuk menjalankan kajian telah diperoleh daripada ERRD (National Planning and Research Division) dan dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Setelah kajian rintis dijalankan, beberapa pengubahsuaian turut dilakukan terhadap kandungan dalam soal selidik terhadap item-item dan istilah-istilah yang didapati kabur. Kesesuaian dan ketepatan item-item yang telah diterjemahkan dan arahan-arahan yang disediakan dalam soal selidik dapat dipastikan dalam kajian rintis yang telah dijalankan. Setelah itu borang soal selidik akan diedarkan oleh pengkaji sendiri kepada sampel kajian di sekolah-sekolah yang telah dipilih iaitu Sekolah Kebangsaan Merah Seri (SKMS), Sekolah Kebangsaan Kenanga Kuning (SKKK) dan Sekolah Kebangsaan Bukit Raya Putera (SKBRP).

Borang soal selidik yang telah lengkap isi oleh sampel kajian akan dikumpulkan oleh pengkaji selepas tempoh tiga hari. Data-data yang dikumpulkan untuk tujuan kajian ini dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package For Social Science* (SPSS). Data yang dikumpulkan ini adalah berkaitan dengan persoalan-persoalan yang dikemukakan dalam bab 1

3.9 Analisis Data

Data yang diperoleh daripada soal selidik akan dikumpulkan dan dianalisis secara statistik dengan menggunakan program *Statistical Package For Social Science* (SPSS). Kaedah statistik digunakan untuk menganalisis data ialah:

- a. Taburan kekerapan dan peratusan
- b. Min dan sisisian piawai
- c. Chi Kuasa Dua

Taburan kekerapan dan peratusan digunakan bagi meringkaskan skor mentah yang diperoleh bagi pemboleh ubah bergantung kajian ini. Pemboleh ubah ini terdiri dari, kekerapan minat membaca, tujuan membaca, faktor yang menghalang minat membaca, bahan bacaan yang dibaca dan peranan pusat sumber membantu meningkat minat membaca.

Bagi pemboleh ubah jenis bacaan kegemaran, data yang diperoleh diringkaskan dalam bentuk kekerapan dan peratus. Berdasarkan statistik deskriptif ini, satu urutan keutamaan bagi jenis bacaan kegemaran diperoleh. Dalam meninjau pertalian antara pemboleh ubah bergantung ini dengan pemboleh ubah bebas, Chi Kuasa Dua digunakan.

9.10 Kesimpulan

Bab ini telah menjelaskan bagaimana kaedah yang akan digunakan dalam menjalankan kajian ini. Bermula dengan pemilihan tempat kajian hingga ke proses penganalisisan data yang bersesuaian dengan pendekatan kajian ini iaitu penyelidikan kuantitatif. Bab yang berikutnya akan menghuraikan pula tentang dapatan kajian yang dijalankan.